



# Suara Persatuan Pegawai Syariah Malaysia

..Suara PPSM Keluaran ke 6/2005.. Edisi Percuma (untuk ahli sahaja)..

## SEMINAR FARAIID

**P**ersatuan Pegawai Syariah Malaysia telah menganjurkan satu Seminar Faraid pada 19 Februari 2005 bertempat di Hotel Quality Kuala Lumpur.

Seminar ini terbuka kepada Peguam Syarie bagi Zon Tengah iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka dan agensi kerajaan yang lain. Setiap penyertaan dikenakan bayaran RM150.00.

Objektif Seminar ini ialah:

1. Untuk memberi kefahaman kepada peserta berkaitan dengan faraid dan pengurusan harta pusaka.

2. Untuk memudahkan urusan ber-

kaitan harta pusaka oleh pihak-pihak ketika berurusan dengan agensi-agensinya berkaitan.

3. Untuk melahirkan individu yang mahir mengendalikan faraid dan pengurusan harta pusaka.

Tajuk kertas kerja seminar yang telah dibentangkan ialah

Kertas Kerja 1: **Pengenalan Kepada Sistem Pusaka Islam** telah disampaikan oleh Tuan Hj. Abdul Walid b. Abu Hassan, Presiden PPSM.

Kertas Kerja 2: **Proses Siasatan Waris Dalam Penentuan Faraid.**

Kertas Kerja 3: **Pengurusan Harta Pusaka di Malaysia:**

**Urusan melibatkan Amanah Raya Berhad, Pejabat Pusaka Kecil dan Mahkamah Tinggi.**

Kedua-dua kertas kerja ini disampaikan oleh Tuan Hj. Wan Abdul Halim b. Wan Harun, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Perak (Sesyen Pusaka).

Seminar ini telah mendapat sambutan dari Peguam Syarie dan orang awam termasuk Pensyarah dari IPTA dan IPTS telah berjaya mencapai objektif sepertimana yang telah dirancang. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini.

Adalah menjadi harapan agar seminar seperti ini akan dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang. Inshaallah.

## SEMINAR KESEDARAN UNDANG-UNDANG SYARIAH

PPSM dengan kerjasama KPWK dan JKSM telah menganjurkan Seminar Kesedaran Undang-undang Syariah pada 05 Februari 2005 bersamaan hari Sabtu bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, JKSM. Seminar ini bermula jam 8.30 pagi dan berakhir jam 1.00 tengahari terbuka kepada semua kakitangan wanita JKSM. Seramai 60 orang peserta telah menyertai Seminar ini termasuk Pegawai Syariah di JKSM.

Tujuan seminar ini dibuat adalah untuk memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan berkaitan hal-hal kekeluargaan terutamanya hak-hak wanita dalam

Antara kertas kerja yang dibentangkan ialah

1. *"Hak-hak Wanita Islam Di dalam Perkahwinan Menurut Undang-undang Keluarga Islam"*. Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh Puan Noor Hadina Bt. Ahmad Zabidi, Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.
2. *"Hak-hak Wanita Islam Selepas Perceraian Menurut Undang-undang Keluarga Islam"*. Kertas kerja kedua telah disampaikan oleh Cik Nenny Shuhaidah Shamsuddin, Pegawai Syariah Biro Bantuan Guaman Negeri Selangor.

**BERITA KENAIKAN PANGKAT.TAHNIAH KEPADA PEGAWAI-  
PEGAWAI YANG TELAH BERJAYA****KENAIKAN PANGKAT DARI L\$ 48 KE L\$ 52**

1. Tuan Hj. Abdul Walid b. Abu Hasan [memangku LS 52 KUP LS54] - Presiden PPSM
2. Tuan Mukhyuddin b. Ibrahim
3. Tuan Shaarani b. Ismail
4. Tuan Syukur b. Shabuddin –Pemeriksa Kira-kira PPSM

**KENAIKAN PANGKAT DARI L\$ 41 KE L\$44 BAGI NEGERI GUNASAMA**

Seramai 24 orang Pegawai Syariah telah dinaikan pangkat Gred LS 44. Tahniah diucapkan kepada

1. Tuan Zulfikri b. Yaso - Selangor [memangku LS44 KUP LS48]
2. Tuan Hj. Naim b. Mokhtar - JKSM
3. Tuan Abu Bakar b. Hj. Mohd Daud - Selangor (N. Presiden PPSM)
4. Tuan Zakian b. Dio
5. Tuan Zainor Rashid b. Hasin
6. Tuan Shamsuddin b. Hussin - Negeri Sembilan
7. Tuan Kamal Bashah b. Dato' Ahmad Tajuddin
8. Tuan Abdul Razak b. Nayan
9. Y.M Tuan Raja Mazelan b. Raja Deraman
10. Tuan Zulkhairi b. Abdul Aziz
11. Tuan Mawardi b. Che Man - Melaka
12. Tuan Mohd Khalid b. Shae
13. Tuan Abu Suffian b. Yaziz - W/P Labuan
14. Tuan Zaim b. Md. Yudin - W/P KL
15. Tuan Abbas b. Nordin
16. Tuan Zawawi b. Mohd Nor - Pulau Pinang
17. Tuan Jaidi b. Ahmad
18. Tuan Ridzuan b. Ghazali (Pemeriksa Kira-kira PPSM)
19. Tuan Azzeman b. Hj. Omar - BBG Pahang
20. Tuan Azmi b. Ibrahim - BBG Perak
21. Tuan Abdul Karim b. Wahab - BBG Kelantan
22. Puan Hasnita bt. Hj. Hamidon - BBG Melaka
23. Puan Zuraidah bt. Ayob - BBG Selangor
24. Tuan Jasni b. Mat Desa - Pendakwa Selangor

**KENAIKAN PANGKAT BAGI NEGERI BUKAN GUNA SAMA**

**TAHNIAH** diucapkan kepada Pegawai Syariah di Negeri Pahang

\*Tuan Abdul Rahman b. Yunus [Exco PPSM] dinaikan pangkat ke LS 52

\*Tuan Sallehuddin bin Abdul Manaf & \*Tuan Azhari bin Abdul Rahman (Exco PPSM) tahniah kerana dinaikan pangkat ke LS44

**SUMBANGAN KEBAJIKAN**

\*Tuan Sallehuddin Abd. Manaf, Pendaftar Pahang telah mengalami kerosakan rumah akibat banjir yang berlaku di Pantai Timur tempohari

\* Puan Nadia Khamis, Pegawai Sulh Selangor – suami mengidap penyakit leukimia

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjemput Tuan Presiden dan seorang wakil Exco PPSM (Tuan Brahim b. Deris ) & juga wakil-wakil dari NGO untuk menghadiri sesi dialog bertajuk “Pembelaan Kaum Wanita” pada 17 Februari 2005 di Dewan Nur KPWKM, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur.

**TAHNIAH** kepada Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana telah mendapat pengiktirafan ISO 9001: 2000.

**TAHNIAH** kepada Tuan Azman bin Ismail, Pegawai Syariah BBG Kelantan kerana telah mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Master di UKM sesi 2005/2006.

**RALAT**

Tuan Yusof b. Ab. Ghani, Hakim Mahkamah Rendah Kuantan telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Pahang berkuatkuasa pada 7 September 2004 (bukan 7.11.2004) mengisi jawatan yang telah dikosongkan oleh Tuan Hj. Idris Imam Awang yang telah bersara wajib.

\*PPSM memohon maaf di atas kesilapan tarikh yang tidak disengajakan.

## PEMANJANGAN PEMAKAIAN SURAT PEKELILING ELAUN PAKAIAN ISTIADAT DAN RASMI

Merujuk Surat JPA (S) 1852/2A/Klt.7 bertarikh 17 September 2004 adalah dimaklumkan bahawa kerajaan telah meluluskan permohonan berhubung Pemanjangan Pemakaian Surat Pekeliling Elaun Pakaian Istiadat dan Rasmi (*gown, bib, wing collar dan baju putih*) kepada Pegawai Syariah sebanyak RM750.00 untuk tempoh setiap 3 tahun.

Walaubagaimanapun, kelulusan pemanjangan ini tertakluk kepada Perkhidmatan Pegawai Syariah yang memakai Pakaian Istiadat dan Rasmi (*gown, bib, wing collar dan baju putih*) sahaja seperti yang diperuntukkan kepada Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Bagi Pegawai Syariah yang tidak memakai pakaian istiadat dan rasmi tetapi hanya memakai "**Dark Lounge Suit**" semasa bertugas di Mahkamah adalah tidak tertakluk dibawah peruntukkan ini tetapi **boleh** menuntut Bayaran Baju Kot kepada Pegawai Yang Bertugas di mahkamah dengan kadar tidak melebihi RM150.00 bagi setiap tempoh 3 tahun.

## TAHNIAH

Kepada

Puan Rosedalliyaty Daud, Pegawai Syariah BBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana dikurniakan cahayamata lelaki pada bulan December 2004.

## DERMA TSUNAMI

Pada 26 Disember 2004 yang lalu, negara kita telah dikejutkan dengan berita banjir besar atau Tsunami yang telah mengorbankan banyak nyawa di utara negara kita dan beberapa negara di Asia. Atas sikap keperhatian dan rasa simpati PPSM telah menubuhkan satu tabung bagi tujuan mengutip derma.

Sebanyak RM 2250.00 telah berjaya dikumpulkan di kalangan kakitangan di Jabatan Kehakiman dan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

Sumbangan ini telah didermakan kepada Darul Tahfiz Anak-anak Yatim Aceh melalui Persatuan Belia Sri Selangor pada 21 Feb. 2005 yang akan ke Aceh pada 3-6 Mac 2005.

Semoga Allah jua yang dapat membalas jasa anda semua.

## TAKZIAH

PPSM mengucapkan salam **TAKZIAH** kepada Tuan Abdul Rahim b. Abdullah, Ketua Pendaftar Negeri Perak di atas kematian ibunya pada 04.02.05 jam 12.30 malam. Semoga roh Allahyarhamah ditempatkan dikalangan orang-orang yang solehah.

## AL-FATIHAH

Salam **TAKZIAH** dari PPSM kepada Puan Jazilah bt. Mohd Saad, Penolong Pengarah Latihan JKSM di atas kematian ayahnya pada 22.2.2005. Kami mendoakan semoga Allahyarham ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman.

## KUTIPAN DERMA

Pada 19.2.2005 yang lalu, Tuan Presiden dan beberapa orang EXCO PPSM telah melawat suami kepada **Puan Nadia bt. Khamis**, Pegawai Sulh Selangor yang terlantar di wad Hospital Kuala Lumpur kerana mengidap penyakit Leukimia diperingkat "Stage 3".

Atas dasar kemanusiaan PPSM melancarkan kutipan derma bagi mengurangkan beban ahli Persatuan kita.

Kutipan ini akan dibuat semasa kelas Tafaquh (26.2.2005) di JKSM. Bagi negeri-negeri yang tidak

terlibat, atau Pegawai Syariah yang tidak dapat hadir, PPSM memohon jasa baik Ketua Pendaftar/

Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri untuk membuat kutipan tersebut. Hasil derma boleh di serahkan kepada

(I) Presiden/ Setiausaha/ Pen.Setiausaha 1 & II / Pen. Bendahari

(II) Bank in ke akaun PPSM di Bank Islam [No. a/c: 16018010004088] dan menghantar Bank-in slip kepada Bendahari/Pen. Bendahari.

Tarikh tutup kutipan derma: **4 MAC 2005** (Jumaat)